

## Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan

Kerajaan adalah komited dalam melaksanakan program pembasmian kemiskinan selaras dengan usaha untuk membangunkan masyarakat sejahtera dan seterusnya memastikan sasaran sifar kemiskinan tegar dan tahap kemiskinan 2.8% menjelang tahun 2010

Bagi memantapkan lagi pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di semua peringkat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Oktober 2007 dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 1 November 2007 telah bersetuju:

- i- Penubuhan Focus Group di peringkat pusat, yang dipengerusikan oleh Ketua Setiuasaha Negara dan dianggotai oleh Kementerian dan agensi utama yang terlibat dengan pembasmian. Pada peringkat awal Mesyuarat diadakan 2 minggu sekali dengan memberi perhatian kepada pemantauan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan. Mulai tahun 2011 Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan Peringkat Pusat digantikan dengan Jawatankuasa Delivery Task Force (DTF) NKRA LIH yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.
  - ii- Selain itu Focus Group ditubuhkan diperingkat negeri dan daerah yang dipengerusikan oleh SUK dan pegawai daerah. Anggota-anggotanya pula terdiri daripada agensi atau jabatan kerajaan yang terlibat dengan program pembasmian kemiskinan dan program-program kesejahteraan rakyat diperingkat negeri dan daerah.
- Tujuan atau fungsi *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri dan Daerah adalah seperti berikut:
    - bertanggungjawab melaksanakan dasar, kenyataan dasar dan strategi serta program/projek pembasmian kemiskinan di peringkat negeri dan daerah;
    - bertanggungjawab menyelaras dan memantau perancangan dan pelaksanaan program kemiskinan;
    - bertanggungjawab mengenal pasti isu dan masalah dalam penyelarasan dan pelaksanaan program/projek pembasmian kemiskinan dan mencadangkan penyelesaiannya;
    - membuat penilaian *out-come* dan impak ke atas program/projek pembasmian kemiskinan bagi memastikan keberkesannya;

- memastikan penyelarasan program dan data sistem pendaftaran/profil diguna dan dikemas kini dari masa ke semasa; dan
- menyediakan laporan mengenai kemiskinan kepada Jawatankuasa Pembangunan Tertinggi di Peringkat Daerah, Negeri dan Pusat.

Diperingkat Negeri Sarawak mulai tahun 2013, Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan dipengerusikan oleh YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak dan diurusetia oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak

Bilangan Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan Negeri Sarawak dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Focus Group Negeri Sarawak yang telah dilaksanakan mengikut tahun adalah seperti berikut;

Tahun	Bil. Mesy FG Negeri	Bil. Mesy Teknikal FG
2008	3	-
2009	1	-
2010	6	5
2011	4	2
2012	2	5
2013	4	4
2014	5	4
2015	3	4

Pelaksanaan Mesyuarat Focus Group telah banyak membantu dari segi penyelarasan, pelaksanaan dan pemantauan program pembasmian kemiskinan dan kesejahteraan rakyat dimana kebanyakan masalah dan isu dapat diselesaikan semasa mesyuarat.